

## “ MENANGI HADIAH DENGAN LAWATAN INTERAKTIF & MENYERONOKKAN SECARA ATAS TALIAN ”

**AJINOMOTO** (Malaysia) Berhad (AMB) ingin menawarkan hadiah-hadiah menarik berupa sebuah 0.6L pengisar peribadi bernilai RM120 setiap satu kepada 20 pemenang bertuah setiap bulan. Orang ramai digalakkan untuk menyertai lawatan interaktif dan menyeronokkan secara atas talian bagi berpeluang menyertai cabutan bertuah. Lawatan atas talian ini telah bermula pada 15 September 2020 di laman sesawang rasmi Ajinomoto.

Para peserta hanya perlu mengikuti 3 langkah mudah iaitu "Watch, Discover & Win". Lawatan atas talian ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas. Untuk menyertai cabutan bertuah, peserta perlu menonton video yang disediakan secara atas talian, lengkapkan soal selidik ringkas dan isi borang penyertaan, semudah ABC.

Demi memenuhi norma baharu yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, AMB mengambil inisiatif untuk mengembackkan lawatan secara fizikal Ajinomoto 1909 Infozeum ke lawatan interaktif dan menyeronokkan secara atas talian. Ini bertepatan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang mengutamakan keselamatan setiap pelawat. Lawatan atas talian yang berinformasi serta menjadi lawatan tanpa sebarang sentuhan untuk semua.

Lawatan fizikal Ajinomoto 1909 Infozeum telah bermula sejak dari tahun 2011 dengan lebih dari 5,000 orang pelawat setiap tahun. Dengan inisiatif baharu ini, ia dapat memberi manfaat kepada lebih ramai pengunjung terutama mereka yang tinggal di luar kawasan Lembah Klang. Setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk menikmati lawatan secara fizikal atau digital. Layari [www.ajinomoto.com.my/onlineinfozeum](http://www.ajinomoto.com.my/onlineinfozeum) untuk menyertai dan memenangi hadiah-hadiah menarik.

### 1909 Infozeum Online Tour



**Lucky Draw Prizes**  
20x SHARP 0.6L Personal Blender  
worth RM120